



PEJABAT TANAH DAN GALIAN NEGERI SELANGOR NOTIS SEBUT HARGA

Tawaran adalah dipelawa kepada pembekal yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dan UPEN serta berpengalaman dalam perkhidmatan dan bekalan berkaitan seperti berikut :-

Bil	No. Sebut harga	Butir-Butir Kenyataan Tawaran Sebut harga	Kelayakan Penyebut harga	Harga
1.	SH/PTGS/04/2020	Sebut Harga Mencetak, Membekal Dan Menghantar Doket / Kupon Pengeluaran Bahan Batu Negeri Selangor Untuk Pejabat Tanah Dan Galian Negeri Selangor	Berdaftar dan memiliki Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat Kementerian Kewangan Malaysia yang masih sah dan berkuatkuasa di bawah kod bidang 221606 , Sijil Akuan Syarikat Bumiputera Kementerian Kewangan Malaysia yang masih sah berkuatkuasa, Lesen dari Kementerian Dalam Negeri yang masih sah dan berkuatkuasa, DAN Surat Pengesahan Pendaftaran Sistem Tender Online Selangor (UPEN) yang masih sah dan berkuatkuasa	RM50.00 Pembayaran melalui Sistem Pendaftaran Online Selangor 2.0 Sahaja

2. Dokumen tawaran ini boleh dimuat turun melalui laman sesawang **Sistem Tender Online Selangor 2.0** mulai **6 MEI 2020 (Rabu)** hingga **19 MEI 2020 (Selasa)**

3. Dokumen sebut harga yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dan dimasukkan ke dalam peti sebut harga di alamat :-

**Bahagian Khidmat Pengurusan
Pejabat Tanah Dan Galian Negeri Selangor
Tingkat 4, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
40576 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan**

Tarikh tutup : **19 MEI 2020 (Selasa) jam 12.00 tengahari.**

4. Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor tidak semestinya menerima tawaran yang terendah atau mana-mana tawaran.

Tarikh: **4 MEI 2020**

Pengarah Pejabat Tanah Dan Galian Negeri Selangor

ARAHAN KEPADA PENYEBUT HARGA

1. Sebut harga hendaklah dibuat di atas Borang Sebut Harga (Lampiran Q) yang dilampirkan bersama dokumen ini dan **tidak boleh diceraikan. Kegagalan berbuat demikian akan menyebabkan tawaran ditolak.**
2. Penyebut Harga yang berminat untuk menyertai sebut harga ini mestilah berdaftar dengan yang berikut :
 - (i) Akuan Pendaftaran Syarikat Kementerian Kewangan Malaysia yang masih sah dan berkuatkuasa.
 - (ii) Akuan Pendaftaran Syarikat Bumiputera Kementerian Kewangan Malaysia yang masih sah dan berkuatkuasa.
 - (iii) Surat pengesahan pendaftaran Sistem Tender Online Selangor (UPEN) yang masih sah dan berkuatkuasa.
 - (iv) Lesen Kementerian Dalam Negeri yang masih sah dan berkuatkuasa,
3. Tidak ada sebarang pertukaran (selain dari mengisi tempat kosong yang di kehendaki) boleh dibuat di mana - mana dokumen disertakan.
4. Jika ada catatan tambahan hendaklah di buat berasingan dengan ringkas untuk merujuk ke mana-mana butiran dalam dokumen.
5. Sebarang perubahan/pindaan/pembetulan di atas Borang Sebut Harga perlu ditandatangani ringkas.
6. Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor **berhak menolak dan menggugurkan** mana-mana Sebut Harga yang didapati :
 - a) Tulisan atau angka-angka yang mengelirukan.
 - b) Sukar dibaca dan difahami.
 - c) Borang Sebut Harga (LAMPIRAN Q) yang tidak lengkap/tidak disertakan.
 - d) Tidak mengikut atau melanggar peraturan Sebut harga (tidak mematuhi syarat-syarat).
 - e) Tidak membuat Sebut Harga yang dinyatakan dalam Borang Sebut Harga.
 - f) Maklumat atau jumlah wang ringgit yang dipertikaikan.
 - g) Tidak menulis nama, alamat dan maklumat penyebut harga.
 - h) Tulisan dalam pensil.
 - i) Pengiraan jumlah yang salah.
 - j) Tidak menepati spesifikasi yang diperlukan.
 - k) Borang Sebut Harga tidak di tandatangani.
7. Cecair pemadam tidak dibenarkan untuk membuat perubahan pada harga/ kadar harga. Sebarang perubahan tersebut hendaklah dibuat dengan memotong yang asal dan menulis yang baru di atasnya dan tandatangan ringkas pembetulan tersebut.
8. Penyebut Harga hendaklah membaca dan memahami keseluruhan arahan-arahan di dalam bidang kerja kontrak sebelum mengisi kadar harga.
9. Penyebut Harga hendaklah meletakkan harga/kadar harga dalam ruang yang ditetapkan sahaja. Tulisan hendaklah jelas, mudah dibaca/difahami dan dengan dakwat.
10. Alamat yang ditulis perlulah alamat daftar atau telah diubah dan pihak pendaftaran Kementerian Kewangan serta telah diberitahu berkenaannya.

11. Sebarang perbuatan atau percubaan rasuah untuk menawar atau memberi, meminta atau menerima apa-apa suapan secara rasuah kepada dan daripada mana-mana orang berkaitan perolehan ini merupakan suatu kesalahan jenayah dibawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009 (Akta SPRM 2009).
12. Semua data, statistik, berkenaan data yang tersimpan dalam sistem yang terlibat daripada dokumen ini adalah menjadi hak milik kerajaan sepenuhnya.
13. Semua maklumat yang berkaitan tawaran ini adalah sulit dan tidak boleh digunakan untuk sebarang tujuan lain selain daripada tawaran ini sahaja.
14. Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor berhak untuk membatalkan sebut harga ini pada bila-bila masa, sekiranya diperlukan. Sebarang kos yang terpaksa ditanggung oleh pihak penyebut harga kerana urusan sebut harga ini adalah menjadi tanggungjawab pihak penyebut harga dan pihak Jabatan tidak akan bertanggungjawab terhadap perkara tersebut.
15. Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang ketidaktepatan fakta dan maklumat yang terkandung di dalam dokumen ini.
16. Pejabat ini akan memaklumkan keputusan sebut harga melalui Surat Setuju Terima. Sehingga itu, penyebut harga tidak dibenarkan untuk merujuk kepada jabatan ini untuk mendapatkan keputusan sebut harga dengan apa juga sekalipun. Sebelum keputusan sebut harga dibuat, maklumat adalah dianggap sulit. Tindakan undang-undang boleh diambil bagi mana-mana pihak yang tidak diberi kuasa untuk memperolehi, menyimpan serta mengedarkan maklumat sulit tersebut.
17. Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor tidak terikat untuk menerima mana-mana tawaran dari Penyebut Harga – Penyebut Harga. Keputusan adalah muktamad, sebarang surat menyurat mengenai keputusan sebut harga ini tidak akan dilayan.
18. Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor tidak menjamin dalam apa cara sekalipun bahawa bekalan/perkhidmatan yang disebutkan dalam pelawaan sebut harga ini akan dipesan kesemuanya tetapi penyebut harga yang berjaya mesti sedia membekalkan semua pesanan yang dinyatakan ini dengan harga dan syarat-syarat yang sama.
19. Penyebut Harga dikehendaki mengisi segala maklumat dan harga dengan betul dan menandatangani dalam borang sebut harga.
20. Sebut Harga ini sah selama 90 hari dari tarikh tutup sebut harga. Penyebut Harga tidak boleh menarik balik sebut harga sebelum tamat tempoh sah sebut harga. Pengesyoran tindakan tatatertib akan diambil sekiranya penyebut harga menarik balik sebut harga sebelum tamat tempoh sah sebut harga.
21. Sebarang pertanyaan atau masalah hendaklah menghubungi :

Bahagian Khidmat Pengurusan

Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor

Tingkat 4, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah

40576 Shah Alam

Tel : 03-55205648/5544 7817

Faks :03-55105628

SYARAT-SYARAT SEBUT HARGA

1. TEKNIKAL DAN RUJUKAN

Berdasarkan kepada informasi yang dibekalkan, penyebut harga dikehendaki menyerahkan satu (1) set dokumen asal dan satu (1) set dokumen salinan yang lengkap mengikut turutan seperti di bawah dan dibahagikan antara satu perkara dengan satu perkara dengan kertas berwarna (*separator*):

i. Sampul A : Teknikal

- ** Contoh Docket/Kupon Mengikut Spesifikasi (Jadual 1)
- ** Jadual Pengalaman Syarikat (Jadual 2)
- ** Maklumat Kakitangan Teknikal Syarikat (Jadual 3)
- ** Jadual Pelaksanaan Projek (Jadual 4)

ii. Sampul B : Kewangan

- ** Borang Sebut harga (Lampiran Q)
- ** Pengesahan tawaran penyebut harga (Lampiran A)
- ** Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat Kementerian Kewangan Malaysia yang masih sah dan berkuatkuasa
- ** Sijil Akuan Syarikat Bumiputera Kementerian Kewangan Malaysia yang masih sah dan berkuatkuasa
- ** Surat pengesahan pendaftaran Sistem Tender Online Selangor (UPEN) yang masih sah dan berkuatkuasa
- ** Lesen dari Kementerian Dalam Negeri yang masih sah dan berkuatkuasa,
- ** Penyata Kewangan Diaudit / Penyata Bank 3 Bulan Terakhir disahkan oleh pihak bank
- ** Profil penyebut harga
- ** Senarai semak (Lampiran C)
- ** Surat Akuan Pembida (Lampiran F)

****WAJIB** diisi dan disertakan oleh penyebut harga. Kegagalan berbuat demikian boleh menyebabkan **sebut harga DITOLAK**.

2. TAKLIMAT

Tiada taklimat yang akan dilaksanakan untuk penyebut harga yang berkaitan dengan sebut harga ini.

3. HAK-HAK KERAJAAN NEGERI SELANGOR

Kerajaan Negeri Selangor tidak akan terikat untuk menerima sebarang sebut harga yang terendah dan tidak terikat untuk memberi sebarang sebab atas penolakan tersebut. Kerajaan Negeri Selangor juga mempunyai hak untuk menerima semua tawaran seperti yang terdapat dalam keseluruhan '*schedule*' kombinasi kepada '*schedule*' atau beberapa item-item mengikut budi bicaranya sendiri dan juga akan memesan kuantiti yang lebih besar atau lebih kecil jika diperlukan, kecuali harta tertentu yang telah dinyatakan/ditentukan oleh penyebut harga.

4. PEMBAYARAN

Pembayaran akan dilakukan dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh invoice lengkap diterima oleh Kerajaan daripada kontraktor setelah bekalan dan penghantaran disempurnakan sepenuhnya.

5. BIDANG PERKHIDMATAN YANG DITETAPKAN

Sebutharga ini adalah bagi Mencetak, Membekal Dan Menghantar Docket/Kupon Pengeluaran Bahan Batuan Negeri Selangor untuk Pejabat Tanah Dan Galian Selangor mengikut keperluan yang akan dilakukan melalui pemakluman secara bernotis yang akan dikeluarkan oleh pihak Pejabat Tanah Dan Galian Selangor. Penghantaran perlu dibuat dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh notis dan pesanan tempatan dikeluarkan.

6. HARGA

Harga bagi semua perkara dan bidang kerja yang ditawarkan mestilah dalam Ringgit Malaysia (RM) sahaja dan hendaklah termasuk semua kos perkhidmatan. Harga ini mestilah tidak termasuk semua cukai duti kastam dan mestilah sah laku (*valid*) dalam tempoh sembilan puluh (90) hari daripada tarikh tutup sebut harga. Harga-harga yang ditawarkan adalah termasuk semua kos yang bersangkutan dengan Perkhidmatan Pembersihan. Harga-harga yang ditawarkan dalam sebut harga ini adalah tetap dan tidak boleh dipinda selepas sebut harga ini ditutup, dan akan berkuatkuasa selama tempoh sahlaku sebut harga. Kontraktor yang berjaya ditawarkan sebut harga ini hendaklah mematuhi sepanjang masa kontrak berjalan dan tidak boleh dibuat sebarang perubahan.

7. HARGA TAWARAN DAN SST

- 7.1 Semua **tawaran harga** oleh Penyebut Harga hendaklah dikemukakan **tanpa** **kenaan SST**;
- 7.2 Penyebut Harga yang ingin melaksanakan perolehan Kerajaan hendaklah mengisytiharkan status pendaftaran SST kepada Kementerian/Pusat Tanggung Jawab (PTJ);
- 7.3 Bagi Penyebut Harga yang telah berdaftar SST dengan Jabatan Kastam Diraja Malaysia, petender hendaklah mengemukakan nombor pendaftaran SST kepada Kementerian/Pusat Tanggung Jawab (PTJ);
- 7.4 Sekiranya Penyebut Harga yang berjaya adalah berdaftar SST dengan Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Kementerian/Pusat Tanggung Jawab (PTJ) akan

mengeluarkan Surat Setuju Terima (SST)/Pesanan Tempatan kepada syarikat dengan tawaran harga termasuk kenaan SST.

- 7.5 Bagi Penyebut Harga yang mengisytiharkan tidak dikenakan cukai di bawah Akta SST, namun akan menjadi Penyebut Harga yang berdaftar dengan SST setelah ditawarkan perolehan tersebut, maka Penyebut Harga hendaklah:
- (i) Memaklumkan dengan segera kepada Kementerian/Pusat Tanggung Jawab (PTJ) berkenaan perubahan status pendaftaran Penyebut Harga tersebut di bawah Akta SST; dan
 - (ii) Membuat permohonan untuk pelarasan bagi kenaan SST. Pelarasan harga kenaan SST hendaklah dimuktamadkan oleh Pegawai Pengawal atau mana-mana pegawai yang diturun kuasa oleh Pegawai Pengawal.
- 7.6 Penyebut Harga hendaklah memastikan nilai-nilai harga dicatatkan dengan terang. Jumlah bagi setiap pembahagian serta jumlah keseluruhan harga tawaran hendaklah dinyatakan.
- 7.7 Sebarang rayuan mengenai kesilapan di dalam mencatatkan harga mengikut unit/kuantiti tidak akan dilayan.
- 7.8 Harga tawaran adalah harga bersih ke tempat perkhidmatan.
- 7.9 Harga yang ditawarkan hendaklah termasuk perbelanjaan buruh, pengangkutan, alat kelengkapan, bahan api dan apa-apa perkara lain kos yang diperlukan di dalam menyediakan perkhidmatan.
- 7.10 Tidak ada apa-apa pengecualian daripada cukai kastam atau pengurusan harga yang akan dipertimbangkan oleh Pejabat ini. Penyebut Harga adalah dinasihatkan supaya membuat perkiraan (costing) yang betul sebelum mengemukakan tawarannya untuk mengelakkan sebarang kekeliruan. Semua aspek pembekalan ini seperti anggaran keperluan, keadaan tempat perkhidmatan dan sebagainya patutlah diambil kira supaya harga yang ditawarkan itu dapat dianggap sebagai harga yang berpatutan.

8. POLISI INSURANS

Kontraktor dengan perbelanjaan sendiri dikehendaki mengambil polisi insuran bagi kenderaan yang disewakan dan lain-lain polisi yang difikirkan perlu dan diminta oleh Kerajaan.

KLAUSA PENCEGAHAN RASUAH DALAM DOKUMEN PEROLEHAN KERAJAAN

"Termination on Corruption, Unlawful or Illegal Activities

(a) Without prejudice to any other rights of the Government, if the [Company/Firm], its personnel, servants or employees is convicted by a court of law for corruption or unlawful or illegal activities in relation to this [Agreement/Contract] or any other agreement that the [Company/Firm] may have with the Government, the Government shall be entitled to terminate this [Agreement/Contract] at any time, by giving immediate written notice to that effect to the [Company/Firm].

(b) Upon such termination, the Government shall be entitled to all losses, costs, damages and expenses (including any incidental costs and expenses) incurred by the Government arising from such termination.

(c) For the avoidance of doubt, the Parties hereby agree that the [Company/Firm] shall not be entitled to any form of losses including loss of profit, damages, claims or whatsoever upon termination of this [Agreement/Contract]”.